

# 'Jangan cuba tutup isu dana COVID-19'

BH - 12/11/2023 m/s: 5

## Dakwaan Muhyiddin mengenai cubaan bunuh karakter disangkal pemimpin UMNO, AMANAH

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin diminta tidak cuba mengalih isu dengan mendakwa ada cubaan 'membunuh karakter' beliau dan PN dalam siasatan membabitkan dana berkaitan COVID-19 ketika pentadbirannya sebagai Perdana Menteri.

Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, berkata isu sebenar siasatan itu adalah mengenai kebertanggungjawaban untuk mengetahui ke mana wang terbabit dibelanjakan.

"Semua perkara ini membabitkan sejumlah wang yang besar. Jadi apabila kita timbulkan perkara itu, Muhyiddin tak perlu alih pandangan kepada mengheret isu ini menjadi soal pembunuhan karakter.

"Kalau betul dia jujur, telus, dia boleh jawab sahaja isu ini dengan mudah," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU, mendakwa pelbagai tohmahan dilemparkan ke atas dirinya dan PN atas apa disifatkannya usaha pembunuhan karakter oleh Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).

Beliau juga mendakwa, tindakan itu antara lain kerana PH dan BN gentar menghadapi kemaraan PN pada Pilihan Raya Negeri (PRN) yang bakal dilangsungkan di enam negeri dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Bekas Perdana Menteri itu tidak menolak kemungkinan tohmahan penyelewengan RM600 bilion direka supaya tindakan perundangan boleh diambil terhadap BERSATU, bertujuan melemahkan jentera parti itu sehingga sukar menghadapi PRN akan datang.

Mujahid yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), berkata Muhyiddin tidak seharusnya mengantung Parlimen ketika pandemik COVID-19 melanda negara, sebaliknya membentangkan perincian dana diperlukan kerajaan ketika itu.

"Ingat tak ketika COVID-19, kita tuntutan supaya Parlimen jangan digantung, kalau Parlimen tak digantung, barulah Ahli Parlimen tahu apa perlu duit sebanyak ini, apa perlu dibelanjakan? Jika dibuat demikian (bentang di Parlimen), adalah mandat, kena ada semua perkara, duit itu pergi ke mana?"

"Disebabkan dia gantung Parlimen ketika itu, tahu-tahu sudah belanja wang terbabit, ke mana

pergi, kita pun tak tahu," katanya.

### Isu subjektif

Sementara itu, Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Dr Fathul Bari Mat Jahya yang menyifatkan dakwaan Ahli Parlimen Pagoh itu sebagai subjektif, menegaskan tiada sesiapa berhak membuat dakwaan seperti dilaungkan Muhyiddin kerana proses siasatan isu terbabit masih berjalan.

"Ini satu isu subjektif. Kalau dia sebut begitu, kalau nak sebut pembunuhan karakter, zaman PH, zaman PN (pun berlaku) ke atas UMNO serta BN. Itu pun boleh dilabel sebagai pembunuhan karakter.

"Sekarang isu itu dibangkitkan dan siasatan dibuat. Seperti proses lalu, biarlah siasatan berjalan, tak perlu timbulkan isu pembunuhan karakter ini. Semua masih dalam proses, seperti mana kita hormat keputusan mahkamah, hormat keputusan pihak berkuasa buat siasatan, beri kerjasama penuh," katanya.

“Semua perkara ini membabitkan sejumlah wang yang besar. Jadi apabila kita timbulkan perkara itu, Muhyiddin tak perlu alih pandangan kepada mengheret isu ini menjadi soal pembunuhan karakter”

Mujahid Yusof,  
Naib Presiden  
AMANAH



“Ini satu isu subjektif. Kalau dia sebut begitu, kalau nak sebut pembunuhan karakter, zaman PH, zaman PN (pun berlaku) ke atas UMNO serta BN. Itu pun boleh dilabel sebagai pembunuhan karakter”

Fathul Bari  
Mat Jahya,  
Ahli MKT UMNO

